

**PENENTU PEMILIHAN TAKAFUL DALAM
KALANGAN MUSLIM DI PULAU PINANG**

KHAIRUL FAIZI BIN MOHD RAPIAI

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

2021

PENENTU PEMILIHAN TAKAFUL DALAM KALANGAN MUSLIM DI PULAU PINANG

oleh

KHAIRUL FAIZI BIN MOHD RAPIAI

**Tesis yang diserahkan untuk
memenuhi keperluan bagi
Ijazah Doktor Falsafah**

Mac 2021

PENGHARGAAN

Setinggi syukur alhamdulillah. Segala puji bagi Allah SWT, Selawat dan salam ke atas Junjungan Besar Nabi Muhammad SAW, Para sahabat, *tabi'in, tabi' al-tabi'in* serta sekalian manusia yang sama-sama berjuang dengan penuh keikhlasan mengikut jejak langkahnya sehingga ke hari pembalasan. Penyelidik berasa amat bersyukur ke hadrat Allah SWT dengan rahmat dan limpah kasih sayangNya yang telah memberikan jalan terbaik sehingga berhasil sebuah penulisan tesis. Sesungguhnya tesis ini tidak mampu untuk disiapkan tanpa sokongan pelbagai pihak. Jasa dan pengorbanan akan sentiasa dikenang dan semoga Allah SWT memberikan ganjaran yang terbaik atas sumbangan yang telah diberikan.

Setinggi-tinggi penghargaan terima kasih yang tidak terhingga diucapkan kepada Prof. Madya Dr. Zakaria Bahari sebagai penyelia utama dan Dr. Fadzila Azni Ahmad selaku penyelia bersama, yang penuh ikhlas dan tekun menyelia, memberi tunjuk ajar dan cadangan-cadangan sepanjang menjalankan kajian ini tanpa sekulunit rasa putus asa. Segala sumbangan insan ini walau dalam keadaan dihambat dengan pelbagai tugas dan kerja hanya Allah SWT jualah sebaik-baik pemberi ganjaran. Ucapan penghargaan terima kasih juga diucapkan kepada semua pensyarah dan staf Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV), Universiti Sains Malaysia (USM) untuk segala tunjuk ajar dan galakan yang diberikan. Selain itu, ucapan terima kasih juga ditujukan kepada rakan-rakan seperjuangan yang turut sama-sama dalam usaha menyiapkan tesis PhD. Hanya doa yang tidak terhingga kepada mereka kerana memberikan ilmu, didikan agama dan didikan akhlak yang baik agar penyelidik menjadi seseorang yang berilmu kepada agama Islam.

Tidak dilupakan ucapan penghargaan ditujukan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) yang menganugerahkan Biasiswa MyPhD menerusi skim *Mybrain* 15 bagi membiayai pengajian ini. Ucapan penghargaan juga dipanjangkan kepada Allahyarham Tuan Haji Abd Aziz Tahar kerana begitu teliti dalam membuat semakan soal selidik dalam kajian ini. Semoga Allah SWT memberikan sebaik-baik balasan terhadap banuan tersebut.

Penghargaan yang teristimewa dan doa yang berpanjangan buat Ayahanda Allahyarham Haji Mohd Rafie serta bonda Hajah Normah Daud yang akan sentiasa diingati setiap pengorbanan mereka. Tidak dilupakan buat anak-anak yang disayangi ‘Akif Jihady, Amar Syahidy, Adawiyah dan Amir Syafiq. Semoga sentiasa menjadi hamba yang beriman dan bertaqwa kepada Allah. Penghargaan terima kasih juga buat seluruh keluarga secara langsung mahupun tidak dalam menyokong dan mendoakan kejayaan ini. Segalanya hanya Allah SWT sahaja yang mampu memberi segala kebaikan.

Jutaan terima kasih juga kepada semua responden yang telah memberikan kerjasama yang cukup baik. Tidak dilupakan juga buat sahabat-sahabat seperjuangan yang banyak membantu bagi menyempurnakan tesis ini. Semoga setiap kebaikan daripada kajian ini Allah SWT memberikan sebaik-baik ganjaran dan dikira amal soleh.

Khairul Faizi Mohd Rapiai

Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV)
Universiti Sains Malaysia
Pulau Pinang
12 Mac 2021

SENARAI KANDUNGAN

PENGHARGAAN.....	ii
SENARAI KANDUNGAN	v
SENARAI JADUAL	ix
SENARAI RAJAH.....	xi
SENARAI SINGKATAN	xiii
PANDUAN TRANSLITERASI	xiv
ABSTRAK	xv
ABSTRACT	xvii
BAB 1 PENGENALAN.....	1
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian.....	1
1.2.1 Sejarah bermulanya takaful.....	3
1.2.2 Perkembangan industri takaful.....	9
1.2.3 Perkembangan industri takaful di Malaysia.....	12
1.3 Pernyataan Masalah	23
1.4 Objektif Kajian.....	25
1.5 Persoalan Kajian.....	25
1.6 Definisi Operasional Kajian.....	28
1.7 Skop Dan Batasan Kajian.....	28
1.8 Kepentingan Kajian.. ..	29
1.9 Sumbangan Kajian.. ..	30
1.10 Organisasi Kajian	31
1.11 Kesimpulan	33

BAB 2	KAJIAN TERDAHULU DAN SOROTAN KARYA.....	34
2.1	Pendahuluan	34
2.2	Kajian-Kajian Terdahulu.....	34
2.2.1	Kajian Faktor Penentu Pemilihan Produk Kewangan Islam	35
2.2.1(a)	Perbankan Islam	35
2.2.1(b)	Ar-Rahnu	36
2.2.1(c)	Unit Amanah.....	37
2.2.1(d)	Takaful.....	37
2.3	Sorotan Karya.....	41
2.3.1	Takaful	41
2.3.2	Penentu Pemilihan Pengguna	60
2.3.3	Penentu Pemilihan Takaful ..	62
2.3.4	Kepatuhan Beragama	64
2.3.5	Kefahaman dan Kesedaran.....	66
2.3.6	Kewangan.....	68
2.3.7	Pengesyoran	69
2.3.8	Ciri-ciri Produk	70
2.4	Analisis Sorotan Karya	76
2.5	Kerangka Konseptual Kajian	77
BAB 3	KAEDAH PENYELIDIKAN	80
3.1	Pengenalan	80
3.2	Reka Bentuk Kajian	80
3.3	Kaedah Pengumpulan Data	82
3.3.1	Kajian Data Sekunder	83
3.3.2	Pengumpulan Data Primer	83
3.3.2(a)	Soal Selidik.....	84
3.3.2(b)	Kaedah Persampelan.....	85

3.3.2(c) Justifikasi Pemilihan Lokasi Kajian	87
3.3.2(d) Responden Kajian (Soal Selidik).....	88
3.3.2(e) Kajian Rintis	89
3.3.3 Kebolehpercayaan Instrumen.....	90
3.3.4 Kajian Lapangan Sebenar	91
3.4 Kaedah Penganalisisan Data	91
3.4.1 Analisis Data Sekunder.....	91
3.4.2 Analisis Data Primer	92
3.5 Tatacara Kajian	95
3.6 Kesimpulan	97

**BAB 4 TAHAP PEMILIHAN TAKAFUL DALAM KALANGAN
MUSLIM DI PULAU PINANG..... 98**

4.1 Pengenalan	98
4.2 Maklumat Responden.....	98
4.3 Tahap Pemilihan Takaful Mengikut Faktor Dalaman.....	102
4.3.1 Tahap pemilihan takaful terhadap pertimbangan halal dan haram.....	102
4.3.2 Tahap pemilihan takaful terhadap penggunaan berkualiti.....	104
4.3.3 Tahap pemilihan takaful terhadap pulangan maslahah.....	106
4.3.4 Tahap pemilihan takaful terhadap penggunaan mengikut keutamaan.	108
4.4 Tahap Pemilihan Takaful Mengikut Faktor Luaran.....	109
4.4.1 Tahap pemilihan takaful terhadap reputasi dan pengesyoran	110
4.4.2 Tahap pemilihan takaful terhadap ciri-ciri produk dan perkhidmatan.....	112
4.4.3 Tahap pemilihan takaful terhadap pemasaran dan pengiklanan. .	114
4.4.4 Tahap pemilihan takaful terhadap keselesaan	115
4.5 Tahap Pemilihan Takaful Mengikut Faktor Kepatuhan Beragama.....	117

4.6	Tahap Pemilihan Takaful Dalam Kalangan Muslim Secara Keseluruhan..	122
4.7	Kesimpulan	137

BAB 5 ANALISIS FAKTOR PENENTU PEMILIHAN TAKAFUL DALAM KALANGAN MUSLIM DI PULAU PINANG 139

5.1	Pendahuluan	139
5.2	Hubungan Pemilihan Takaful Berdasarkan Faktor Demografi	138
5.3	Hubungan Pemilihan Takaful Berdasarkan Faktor Dalaman, Faktor Luaran dan Kepatuhan Beragama	141
	5.3.1 Analisis korelasi.....	141
5.4	Dimensi Faktor Dalaman Bagi Pemilihan Takaful Dalam Kalangan Muslim Di Pulau Pinang	144
5.5	Dimensi Faktor Luaran Bagi Pemilihan Takaful Dalam Kalangan Muslim Di Pulau Pinang	149
5.6	Dimensi Faktor Kepatuhan Beragama Bagi Pemilihan Takaful Dalam Kalangan Muslim Di Pulau Pinang	154
5.7	Dimensi Faktor Dalaman, Luaran, Dan Kepatuhan Beragama Bagi Pemilihan Takaful Dalam Kalangan Muslim Di Pulau Pinang...	158
	5.7.1 Pra-Syarat Regresi Berganda..	158
	5.7.2 Analisis Regresi Berganda..	162
5.8	Merumuskan Keseluruhan Faktor yang Mempengaruhi Peserta Muslim dalam Memilih Takaful di Pulau Pinang	166
5.9	Kesimpulan...	170

BAB 6 ANALISIS FAKTOR PENENTU PEMILIHAN TAKAFUL DALAM KALANGAN MUSLIM DI PULAU PINANG 172

6.1	Pendahuluan	172
6.2	Hasil Penemuan Utama	172
6.3	Implikasi Kajian	177
6.4	Cadangan Kajian Masa Hadapan	179
	6.4.1 Subjek Kajian.....	179
	6.4.2 Teknik Penyelidikan.....	180

6.4.3	Skop Kajian.....	180
6.5	Kesimpulan	181
	BIBLIOGRAFI	183
	LAMPIRAN	

SENARAI JADUAL

	Halaman
Jadual 1.1	Senarai Pengendali Takaful di Malaysia.....
Jadual 1.2	Bilangan Pengendali Takaful dan Syarikat Insurans
Jadual 1.3	Bilangan Cawangan Pengendali Takaful di Malaysia
Jadual 1.4	Petunjuk Utama Ekonomi Malaysia
Jadual 1.5	KDNK Malaysia Mengikut 5 Negeri Tertinggi
Jadual 1.6	Bilangan Penduduk Mengikut Daerah Di Pulau Pinang
Jadual 1.7	Jumlah Penduduk Mengikut Daerah dan Kaum
Jadual 1.8	Penembusan Pasaran Takaful Keluarga.....
Jadual 1.9	Bilangan Ejen Takaful yang Baru di Malaysia
Jadual 1.10	Jumlah Aset Takaful
Jadual 1.11	Ringkasan Objektif dan Persoalan Kajian
Jadual 3.1	Klasifikasi Item Mengikut Bahagian dalam Soal Selidik
Jadual 3.2	Taburan Responden Mengikut Daerah Kajian.....
Jadual 3.3	Jadual Kebolehpercayaan Instrumen Kajian.....
Jadual 3.4	Objektif, Persoalan Kajian, Kaedah dan Pengumpulan Data dan Analisis Data.....
Jadual 4.1	Profil Peserta Takaful Muslim
Jadual 4.2	Tahap Pemilihan Peserta Takaful Muslim Terhadap Pertimbangan Halal dan Haram
Jadual 4.3	Tahap Pemilihan Peserta Takaful Muslim Terhadap Penggunaan Berkualiti.....
Jadual 4.4	Tahap Pemilihan Peserta Takaful Muslim Terhadap Pulangan Maslahat.....

Jadual 4.5	Tahap Pemilihan Peserta Takaful Muslim Terhadap Penggunaan Mengikut Keutamaan.....	108
Jadual 4.6	Tahap Pemilihan Peserta Takaful Muslim Terhadap Reputasi dan Pengesyoran	110
Jadual 4.7	Tahap Pemilihan Peserta Takaful Muslim Terhadap Ciri-Ciri Produk dan Perkhidmatan	112
Jadual 4.8	Tahap Pemilihan Peserta Takaful Muslim Terhadap Pemasaran dan Pengiklanan	114
Jadual 4.9	Tahap Pemilihan Peserta Takaful Muslim Terhadap Kemudahan...	116
Jadual 4.10	Tahap Pemilihan Peserta Muslim Terhadap Kepatuhan Beragama.	118
Jadual 4.11	Tahap Pemilihan Peserta Muslim Terhadap Takaful Secara Keseluruhan	123
Jadual 4.12	Min Sisihan Piawai dan Pemeringkatan (<i>Ranking</i>) Item Bagi Faktor Dalaman, Luaran dan Kepatuhan Beragama	125
Jadual 4.13	Pemeringkatan (<i>Ranking</i>) Tahap Pemilihan Peserta Takaful Bagi Setiap Itemm Faktor Dalaman, Luaran dan Kepatuhan Beragama..	132
Jadual 5.1	Keputusan Ujian Tabulasi Silang (Khi-Kuasa Dua) Berdasarkan Demografi	139
Jadual 5.2	Kekuatan Nilai Pekali Korelasi.....	141
Jadual 5.3	Analisis Korelasi Pemilihan Takaful dengan Faktor Dalaman, Luaran dan Kepatuhan Beragama.....	142
Jadual 5.4	Nilai <i>Tolerance</i> dan <i>VIF</i> bagi Dimensi Faktor Dalaman	144
Jadual 5.5	Keputusan Analisis Berganda bagi Pengaruh Dimensi Faktor Dalaman	146
Jadual 5.6	Nilai <i>Tolerance</i> dan <i>VIF</i> bagi Dimensi Faktor Luaran	148
Jadual 5.7	Keputusan Regresi Berganda Pengaruh Faktor Luaran	151
Jadual 5.8	Nilai <i>Tolerance</i> dan <i>VIF</i> bagi Dimensi Faktor Kepatuhan Beragama	153
Jadual 5.9	Analisis Regresi Faktor Kepatuhan Beragama	156

Jadual 5.10	Nilai Tolerance dan <i>VIF</i> bagi Dimensi Faktor Dalaman, Luaran dan Kepatuhan Beragama	159
Jadual 5.11	Keputusan Regresi Berganda Faktor yang Mempengaruhi Pemilihan Takaful	162
Jadual 5.12	Keputusan Regresi Berganda Min Faktor Dalaman, Luaran dan Kepatuhan Beragama	166
Jadual 5.13	Keputusan Regresi Berganda Keseluruhan Fakktor Dalaman, Luaran dan Kepatuhan Beragama	167

SENARAI RAJAH

	Halaman
Rajah 1.1	Bilangan Wakil Takaful Mengikut Bangsa.....
Rajah 2.1	Kerangka Konseptual Kajian
Rajah 3.1	Tatacara Kajian
Rajah 5.1	Graf Plot Normal Regresi Dimensi Faktor Dalaman
Rajah 5.2	Keputusan Analisis Regresi Berganda bagi Pengaruh Dimensi Faktor Dalaman.....
Rajah 5.3	Graf Plot Normal Regresi Dimensi Faktor Luaran
Rajah 5.4	Graf Plot Normal Regresi Dimensi Faktor Luaran
Rajah 5.5	Graf Plot Normal Regresi Dimensi Faktor Kepatuhan Beragama... ..
Rajah 5.6	Graf Plot Taburan Reja Bagi Dimensi Kepatuhan Beragama.....
Rajah 5.7	Graf Plot Normal Regresi Faktor Dalaman, Luaran dan Kepatuhan Beragama
Rajah 5.8	Graf Plot Taburan Reja Faktor Dalaman, Luaran dan Kepatuhan Beragama

SENARAI SINGKATAN

BNM	Bank Negara Malaysia
CPP	Ciri-ciri Produk dan Perkhidmatan
IK	Iman dan Kepercayaan
IS	Ibadah Sunat
IW	Ibadah Wajib
K	Kemudahan
KDNK	Keluaran Dalam Negara Kasar
MTA	Malaysian Takaful Association
PB	Penggunaan Berkualiti
PHH	Pertimbangan Halal dan Haram
PM	Pulangan Maslahat
PMK	Penggunaan Mengikut Keutamaan
PP	Promosi dan Pengiklanan
RP	Reputasi dan Pengesyoran
SPSS	<i>Statistic Package for Social Science</i>
STMB	Syarikat Takaful Malaysia Berhad
SWT	Subhanah wa Ta’ala
USM	Universiti Sains Malaysia

TRANSLITERASI

HURUF RUMI	HURUF ARAB	HURUF RUMI	HURUF ARAB
č	ط	-	ا
ž	ظ	b	ب
‘	ع	t	ت
gh	غ	th	ث
f	ف	j	ج
q	ق	h	ه
l	ل	d	د
m	م	dh	ذ
n	ن	r	ر
w	و	z	ز
h	ھ	s	س
,	ء	sy	ش
y	ي	š	ص
č	ة	đ	ض

PENDEK		PANJANG		DIFTONG	
a	ـ	ā	ـ	ay	أـيـ
i	ـ	ī	ـ	aw	أـوـ
u	ـ	ū	ـ		

Sumber: *Pedoman Transliterasi Huruf Arab Ke Rumi*, Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) (2016)

**PENENTU PEMILIHAN TAKAFUL DALAM KALANGAN MUSLIM DI
PULAU PINANG**

ABSTRAK

Perkembangan sistem kewangan Islam khususnya industri takaful di peringkat antarabangsa menjadi tumpuan apabila Malaysia merupakan negara Asia pertama yang melaksanakannya pada tahun 1985. Petunjuk perkembangan yang positif ini dapat dilihat daripada peningkatan bilangan aset dalam industri takaful bermula tahun 2010 hingga tahun 2017. Pada tahun 2010 bilangan aset takaful ialah sebanyak RM14.6 billion manakala, pada tahun 2017 meningkat kepada RM 29.3 billion. Purata peningkatan tahunan adalah sebanyak RM1.837 billion. Walau bagaimanapun, keadaan ini agak berbeza apabila dari segi penguasaan pasaran takaful menunjukkan kadar yang kecil iaitu 14.66 peratus pada tahun 2017 berbanding 40.34 peratus bagi insurans. Hal ini menimbulkan isu kerana populasi penduduk Muslim di Malaysia adalah kumpulan terbesar. Sepatutnya sambutan pasaran terhadap takaful didokong oleh penduduk Muslim. Hal ini juga agak berbeza apabila terdapat lebih banyak bilangan cawangan takaful di Pulau Pinang berbanding bilangan populasi penduduk Muslim. Apakah penduduk Muslim di Pulau Pinang memilih takaful berdasarkan faktor keagamaan, luaran atau dalaman? Berdasarkan keadaan ini, kajian ini ingin meneliti penentu pemilihan takaful dalam kalangan Muslim di Pulau Pinang. Justeru, kajian ini mempunyai tiga objektif. Pertama, mengenal pasti tahap pemilihan peserta Muslim di Pulau Pinang terhadap takaful. Kedua, menganalisis faktor-faktor yang mempengaruhi penentu pemilihan peserta Muslim di Pulau Pinang terhadap takaful. Ketiga, merumus keseluruhan faktor-faktor yang mempengaruhi penentu pemilihan peserta Muslim di Pulau Pinang terhadap takaful. Sebanyak 461 soal selidik yang

lengkap telah diterima daripada responden yang terdiri oleh peserta Muslim. Hasil dapatan kajian dianalisis secara deskriptif untuk mengetahui nilai min, sisihan piawai dan peratusan. Selain itu, ujian korelasi pearson dan regresi juga digunakan. Dapatan kajian ini dianalisis menggunakan perisian “*Statistical Package For Social Sciences*” (SPSS) versi 22.0. Hasil dapatan mendapati peserta Muslim di Pulau Pinang mempunyai tahap pemilihan yang positif terhadap semua item dalam faktor keagaman, faktor luaran dan faktor dalaman melalui nilai skor min yang tinggi. Manakala hasil analisis menggunakan korelasi dan regresi mendapati faktor-faktor yang mempengaruhi pemilihan secara positif dan signifikan terhadap takaful ialah pertimbangan halal dan haram, penggunaan berkualiti, pulangan maslahat, reputasi dan pengesyoran, kemudahan dan promosi serta pengiklanan. Penemuan utama dalam kajian ini mendapati bahawa faktor kepatuhan beragama tidak mempengaruhi peserta Muslim di Pulau Pinang terhadap pemilihan takaful. Sebaliknya faktor dalaman merupakan faktor yang paling mempengaruhi penentu pemilihan peserta Muslim di Pulau Pinang dengan nilai *Beta* 0.519. Hasil kajian ini memberi sumbangan yang signifikan kepada industri dan faktor penentu pemilihan peserta Muslim terhadap takaful.

THE DETERMINE OF TAKAFUL SELECTION AMONG MUSLIM IN PULAU PINANG

ABSTRACT

The development of Islamic financial system, especially the *takaful* industry internationally, has been the cornerstone when Malaysia was the first Asian state to implement it in 1985. This positive growth indicator can be seen from the increasing number of assets in the *takaful* industry from 2010 to 2017. In 2010 the number of *takaful* assets was RM14.6 billion while, in 2017 it increased to RM1.837 billion. However, this situation is quite different when in terms of *takaful* market share shows a small rate of 14.66 per cent in 2017 compared to 40.34 per cent for insurance. This poses an issue as the Muslim population in Malaysia is the largest group. Should the market *takaful* celebration be supported by Muslims. This is also quite different when there are more *takaful* branches in Penang than the number of Muslim population. Do Muslim residents in Penang choose *takaful* based on religious, external and internal factors? Based on this situation, this study looks at the factors that influence the determinants of Muslim Muslim candidates. Thus, this study has three objectives. First, identify the level of Muslim Muslim candidates for *takaful*. Second, analyzing the factors that influence the determination of the choice of Muslim participants in Penang against *takaful*. Third, it summarizes all the factors that influence the determination of the choice of Muslim participants in Penang against *takaful*. Total of 461 complete questionnaires have been received from respondents comprising Muslim participants. The results of the study were analyzed descriptively to determine mean value, standard deviation and percentage. Besides that, person and regression correlation test were also used. The findings of this study were analyzed using

Statistical Packages for Social Sciences (SPSS) version 22.0. The findings showed that Muslim participants in Penang had a positive selection level on all items in diversity, external factors and internal factors through high mean score. While the results of the analysis using correlation and regression find that factors influencing positive and significant selection of *takaful* are *halal* and *haram* considerations, quality use, good returns, reputation and recommendation, convenience and promotion and advertising. The main findings in this study found that religious adherence factors did not affect Muslim participants in Penang against *takaful*. While internal factors are the factors that most influence the determinants of Muslim candidates in Penang with Beta value of 0.519. The results of the study contributed significantly to the industry and the determine of takaful selection among Muslim in Pulau Pinang.

BAB 1

PENGENALAN

1.1 PENDAHULUAN

Penyelidikan ini pada umumnya adalah bertujuan meneliti penentu pemilihan takaful dalam kalangan Muslim di Pulau Pinang. Secara terperinci, penyelidikan ini terbahagi kepada tiga bahagian utama. Pertama, kajian ini adalah bertujuan untuk mengenal pasti tahap pemilihan takaful dalam kalangan Muslim di Pulau Pinang. Kedua, kajian ini akan menganalisis penentu pemilihan takaful dalam kalangan Muslim di Pulau Pinang. Ketiga, hasil penelitian kajian ini juga akan dibuat bagi merumuskan kesemua penentu yang mempengaruhi Muslim dalam pemilihan takaful di Pulau Pinang.

Sebagai bab pendahuluan, bab ini merangkumi latar belakang kajian, pernyataan masalah, objektif kajian, persoalan kajian, definisi operasional kajian, skop dan batasan kajian, kepentingan kajian, sumbangan kajian dan organisasi tesis.

1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN

Sistem kewangan Islam di Malaysia telah beroperasi lebih 30 tahun.¹ Takaful merupakan salah satu daripada tiga kompenan utama selain perbankan Islam dan pasaran modal Islam. Apabila disebut takaful ianya tidak dapat lari perbincangan berkaitan perlindungan diri, harta benda, pengurusan risiko dan perubatan.

¹ Bermula dengan penubuhan Bank Islam Malaysia Berhad (BIMB) pada 1 Julai 1983, diikuti

Perkara ini memandangkan, setiap individu sentiasa terdedah kepada pelbagai jenis risiko dan musibah yang mampu meninggalkan impak buruk kepada diri, harta benda maupun keluarga dan tanggungan.

Bahkan, penelitian yang lebih mendalam berdasarkan syariat Islam menjelaskan bahawa keprihatinan Islam dalam menjaga kesejahteraan umatnya mencakupi skop yang lebih luas. Islam menggalakkan umatnya supaya sentiasa berwaspada dan berikhtiar untuk menghapuskan, menghindarkan, atau mengurangkan kesan yang lahir daripada risiko dan bahaya yang mungkin menimpa dan menggugat kesejahteraan serta keamanan hidup mereka.

Islam menggalakkan setiap langkah berwaspada atau pun ikhtiar untuk mengurangkan atau menghindarkan kesan yang mungkin dibawa oleh bencana dan risiko bahaya yang mungkin menimpa umatnya. Berdasarkan kisah Nabi Yusuf a.s, al-Qur'an (Surah Yusof 12:43) menceritakan bagaimana Nabi Yusuf a.s telah menasihati raja Mesir ketika itu tentang cara mempersiapkan negara bagi menghadapi bencana 7 tahun kemarau yang diramalkan. Rakyat Mesir digalakkan mempergiatkan aktiviti bercucuk tanam selama 7 tahun pertama sebelum berlaku kemarau dan hasil tersebut dikumpul dan disimpan bagi menghadapi 7 tahun kemarau yang diramal bakal dihadapi. Hasil dari perancangan dan tindakan tersebut, negara dan rakyat Mesir telah berupaya menghadapi 7 tahun kemarau yang telah benar-benar menimpa mereka. Ini adalah salah satu contoh agung di dalam al-Qur'an yang menjadi dalil kepada peri-pentingnya langkah berwaspada dan mengambil ikhtiar untuk menghadapi sebarang risiko dan bahaya yang mungkin dihadapi pada masa depan.

Selaras dengan galakan ini dan ditambah oleh keperluan serta desakan yang berterusan daripada segenap lapisan masyarakat, sarjana-sarjana Islam telah berusaha untuk mengemukakan serta membangunkan idea dan konsep *al-ta'mīn al-ta'āwunī* atau lebih dikenali di negara ini dengan istilah takaful sebagai ganti kepada konsep insurans. Menyedari bahawa perletakan hukum ke atas sesuatu perkara tidak akan mampu dibuat secara adil dan tepat melainkan setelah meneliti dan memahami gambaran lengkap mengenai perkara itu sendiri, maka kajian dan perbincangan tentang penentu pemilihan takaful dalam kalangan Muslim di Pulau Pinang ini tidak akan sempurna tanpa meneliti hakikat takaful itu sendiri terlebih dahulu. Oleh yang demikian, kajian ini seterusnya akan melihat kepada latar belakang sistem takaful yang telah dipraktiskan pada masa kini.

1.2.1 Sejarah Bermulanya Takaful

Islam menganjurkan umatnya supaya sentiasa bersedia dalam menghadapi kemungkinan berlakunya musibah dalam kehidupan. Sekiranya tidak bersedia pada peringkat awal, akan menyebabkan manusia mungkin berhadapan dengan risiko yang lebih besar. Risiko ini diertikan sebagai kemungkinan akan berlaku kerugian.erti kata lain, kemungkinan sesuatu yang diharapkan tidak berlaku sebaliknya terjadi sesuatu yang membawa kerugian². Bencana alam, kemalangan dan kematian merupakan jenis-jenis risiko yang berkemungkinan berlaku dalam kehidupan.

Oleh demikian, Rasulullah SAW memberi saranan bahawa individu perlu membuat persediaan bagi mengharungi kemungkinan terjadi risiko supaya

² James L. Athearn, Risk and Insuransce (New York: West Publishing Co., 1997), 17; Vaughan, E. J., Risk Management (New York: John Wiley & Son, Inc., 1997), 8.

implikasinya dapat dikurangkan. Perihal ini dapat difahami daripada sabda Rasulullah SAW:

“Sesungguhnya seseorang yang beriman ialah sesiapa yang memberi keamanan (keselamatan dan perlindungan) terhadap harta dan jiwa raga manusia.”

Selain itu, maksud ayat Al-Qur'an Surah al-Māidah ayat 5:2 dapat difahami bahawa disarankan supaya berusaha menjalinkan kerjasama dan saling melindungi dalam kalangan Muslim. Perkara ini adalah berdasarkan tuntutan Islam seperti ayat berikut:

“Dan hendaklah kamu tolong-menolong dalam melakukan kebaikan dan taqwa dan janganlah kamu tolong-menolong dalam melakukan dosa dan perseteruan.”

Berdasarkan ayat ini, pengendali takaful merupakan institusi yang berlandaskan prinsip-prinsip syariah terhadap pelaksanaannya. Hal ini disebabkan setiap operasi yang dilakukan akan dipantau oleh Majlis Pengawasan Syariah (MPS). Selain itu, takaful juga menggalakkan manusia saling membantu dan bekerjasama terhadap manusia yang mengalami musibah selari dengan konsep *ta'awun* yang diperaktiskan dalam takaful. Menurut al-Zuhaylī (1984), takaful merupakan alternatif kepada insurans dan tiada perselisihan pendapat antara ulama kontemporari mengenai hukum skim takaful bahawa ia adalah harus.

Oleh disebabkan takaful mempunyai elemen kerjasama dan membantu antara satu sama lain maka, dapat dikaitkan dengan peristiwa penyatuan golongan Muhajirin dengan golongan Ansar seterusnya membawa kepada permulaan awal

takaful dalam sejarah Islam. Konsep bantuan yang dilakukan ini dinamakan sebagai sistem '*aqila*'. Walau bagaimanapun, takaful telah berkembang sejak kurun ke-2 berdasarkan penelitian daripada perkembangan lampau. Pada waktu tersebut, pedagang-pedagang arab berlayar sehingga memasuki ke kawasan India, Kepulauan Melayu dan negara Asia yang lain. Oleh disebabkan perjalanan tersebut mengambil masa yang lama maka, terdedah dengan risiko perjalanan yang tinggi. Oleh demikian, sejumlah wang akan dikumpulkan dalam kalangan pedagang sebagai bentuk jaminan dan sumbangan kepada pedagang yang ditimpa kerugian. Konsep yang dipraktiskan oleh pedagang-pedagang ini kemudian diambil dan digunakan oleh negara Eropah. Seterusnya, mereka memperkenalkan konsep tersebut sebagai insuran marin. Sejarah insurans yang diamalkan di Eropah ini dikatakan oleh Richer (1999).

Selain itu, dapat difahami bahawa risiko sentiasa wujud dan pengurusan risiko adalah satu langkah atau usaha berhadapan dengannya. Ia bukan bermaksud melawan takdir atau tidak menerima ketentuan *qada'* dan *qadar*. Namun ia adalah usaha yang dituntut oleh agama itu sendiri seperti mana hadith Rasulullah yang perlu difahami bersama dengan ayat al-Quran bagi at-Thalaq ayat 3 :

al-Mughirah bin Abi Qurrah as-Sudusi memberitahukan kepada kami; ia berkata bahawa aku mendengar Anas bin Malik berkata, seseorang bertanya: "Wahai Rasulullah, aku mengikat unta dan bertawakkal atau aku melepaskannya dan tawakal". Baginda menjawab: "Ikatlah ia dan tawakallah".

(Sunan Tirmidzi, Jilid 4, 2636)

.. " dan barangsiapa yang bertawakkal kepada Allah nescaya Allah akan

mencukupkan keperluannya .. ”

(at-Thalaq, 65 : 3)

Dalil di atas menerangkan supaya galakan manusia untuk berikhtiar sebelum menyerah sesuatu kepada takdir. Ini dapat dikaitkan dengan konsep takaful yang sering difahami sebagai persediaan seseorang sebelum berlakunya musibah. Antranya dengan memilih produk takaful dan membezakan dengan produk insurans konvensional. Hal ini supaya pengguna Muslim dapat memahami dengan jelas akan kedudukannya dari segi muamalah dan hukum selain dapat memberikan panduan agar pemilihan produk kewangan dan pengurusan risiko yang patuh shariah menjadi pilihan masyarakat Muslim.

Takaful adalah pinjaman bahasa Arab dari kata dasar bagi perkataan ‘ - Kafala’ yang bermaksud untuk menjamin, mengikat jamin (*warranty*), menjaga atau memelihara. Takaful dari istilah ialah satu pakatan untuk saling jamin menjamin dan bersetuju untuk saling membantu antara satu sama lain terhadap musibah atau suatu kerugian.

Takaful dari segi konteks insurans Islam pula merujuk kepada suatu penyusunan atau perjanjian di kalangan peserta untuk saling mengganti rugi bagi penyediaan perlindungan dan pampasan kepada peserta yang mengalami kerugian atau bahaya. Pengertian ini membawa maksud suatu aqad saling memikul risiko sesama peserta sehingga antara seorang peserta menjadi penanggung atau penjamin risiko ke atas peserta lain.

Menurut Akta Takaful 1984, Seksyen 2:

“Takaful adalah satu skim berdasarkan persaudaraan, perpaduan dan saling bantu-membantu yang menyediakan pertolongan dan bantuan kewangan bersama kepada peserta pada waktu yang diperlukan di mana peserta sama-sama bersetuju untuk menyumbang kepada tujuan tersebut”

Manakala, Insurans pula bermaksud satu bentuk pengurusan risiko terutamanya bagi jaminan terhadap risiko kemungkinan kerugian kewangan. Insuran ditakrifkan sebagai peralihan samarata risiko daripada satu entiti kepada yang lain. Ia dilaksanakan melalui pertukaran bayaran (fee) atau jual-beli bagi mendapatkan penjagaan dan jaminan bagi mengelakkan satu kerugian yang besar yang ingin dielakkan dan dilindungi oleh klien. Pemindahan risiko dilakukan diantara seorang individu kepada sesebuah organisasi Syarikat Insurans di mana organisasi pengelola insurans akan menerima bayaran individu dan sekiranya individu tersebut mengalami kerugian yang termaktub dalam perlindungan, maka pampasan atau gantirugi akan dibayar. Inilah perkara asas yang membezakaan akad antara takaful dan insurans.

Konsep takaful merangkumi ciri-ciri saling melindungi dan berkongsi tanggungjawab. Sejarah takaful berkembang dari amalan kaum arab sebelum Islam iaitu yang ianya diakui oleh Rasulullah sebagai suatu ketetapan hukuman. Antara amalan yang berkaitan ialah:

- 1) Sistem Aqilah
- 2) Sistem Qasamah
- 3) Sistem Muwallah

Sistem Aqilah dilaksanakan di mana setiap ahli akan membuat caruman atau pungutan sepanjang tempoh yang dipersetujui yang akan dimasukkan ke dalam tabung al-khanz untuk menolong ahli yang terlibat dengan pembunuhan secara tidak sengaja atau menebus tawanan perang muslimin dari musuh. Ini berikutan latar belakang masyarakat Arab Jahiliyyah yang kuat berpuak-puak melihat pembunuhan seseorang ahli dari kalangan kaum mereka merupakan suatu kehilangan bagi kaum mereka.

Sistem Qasamah (sumpah) pula merupakan pampasan kepada keluarga yang terbunuh yang tidak diketahui pembunuhnya. Dana kutipan caruman ahli-ahli dikumpulkan ke dalam sebuah tabung dan manfaat akan dibayar kepada waris yang dibunuh jika kes pembunuhan itu tidak diketahui siapa pembunuhnya atau keterangan saksi yang layak untuk benar-benar mengenalpasti pembunuhnya tidak diperoleh.

Sistem Muwallah (jaminan) adalah dimana penjamin akan menjamin seseorang yang tidak berwaris dan tiada pula diketahui keturunannya seperti seorang pendatang baru. Penjamin bersetuju akan menanggung bayaran diyat sekiranya orang yang dijaminnya itu melakukan sesuatu jenayah. Sebaliknya jika orang yang dijamin itu meninggal dunia, penjamin boleh mempusakai hartanya selagi tidak diketahui siapakah warisnya.

Asas syariah mengenai takaful dibangunkan dari konsep saling memikul risiko ini dilakukan atas dasar saling tolong-menolong dalam kebaikan dengan cara

masing-masing mengeluarkan dana tabarru' yang ditujukan untuk menanggung risiko. Firman Allah S.W.T dalam Surah al-Maidah 5:2 yang bermaksud:

"Dan hendaklah kamu bertolong-tolongan untuk membuat kebajikan dan bertaqwa, dan janganlah kamu bertolong-tolongan pada melakukan dosa (maksiat) dan pencerobohan. Dan bertaqwalah kepada Allah, kerana Sesungguhnya Allah Maha berat azab seksaNya"

Selain itu, sistem takaful ini dapat dikaitkan dengan dalil naqli seperti berikut:

- 1) Saling Bekerjasama (al-Maidah, 5 : 2)
- 2) Saling Bertanggungjawab (Sahih Muslim , 1796)
- 3) Saling Melindungi (at-Taubah, 9 : 71)
- 4) Keselamatan dan Kesejahteraan Manusia (at-Tahrim, 66: 6)
- 5) Pengorbanan (al-Maidah, 5 : 27)
- 6) Persaudaraan (al-Hujurat, 49: 10)
- 7) Pencegahan dan Pengurangan Risiko (Sunan Tirmidzi, 2636)

1.2.2 Perkembangan Industri Takaful

Pada masa kini, industri takaful telah berkembang secara meluas ke seluruh dunia. Takaful tidak hanya berdaya maju dan berkembang di Malaysia tetapi takaful juga semakin berkembang di Timur Tengah, Tenggara, dan Asia Tenggara seperti di Bahrain, Arab Saudi, Syria, Indonesia, China dan negara-negara Eropah serta Barat seperti United Kingdom, United Amerika dan Kanada.

Tambahan pula, jangkaan jumlah sumbangan takaful di seluruh dunia pada tahun 2015 dianggarkan sebanyak US \$ 7.4 bilion yang menjangkakan sumbangan sebanyak 42 peratus (AS \$ 3.1 bilion) daripada Asia Pasifik (Malaysia / Indonesia

AS \$ 1.4 bilion), 31 peratus (US \$ 2.3 bilion) daripada Eropah, Turki, China, serta India, dan 27 peratus (US \$ 2 bilion) daripada Negara-negara Majlis Kerjasama Teluk (GCC) (Kingdom Saudi Arabia (KSA) \$ 900 juta, Emiriah Arab Bersatu (UAE) \$ 480 juta, dan Mesir \$ 467 juta) (Islamic Finance News, 2007). Ini menunjukkan bahawa pengendali takaful di seluruh dunia mempunyai perubahan besar untuk menyebarkan perniagaan pada masa akan datang dan berusaha mencapai prestasi yang baik. Berdasarkan data yang disediakan oleh Ernst & Young melaporkan bahawa menjelang akhir tahun 2010, premium takaful dijangka meningkat sebanyak \$ 8.8 bilion berbeza berbanding dengan \$ 3.4 bilion pada tahun 2007 (Ernst & Young, 2010).

Di samping itu, takaful berkembang di seluruh dunia dianggarkan meningkat sebanyak \$ 8 bilion menjelang 2012 dengan perkembangan sebanyak 35 peratus daripada insurans di seluruh dunia dengan lebih daripada 133 pengendali takaful dan dengan saiz pasaran \$ 4.3 bilion (International The News, 2010). Menurut Laporan takaful sedunia Ernst & Young 2008, menekankan bahawa Negara-negara Majlis Kerjasama Teluk (GCC) seperti Bahrain, Kuwait, Oman, Qatar, Arab Saudi, serta UAE sebagai pusat pasaran takaful global dengan memperoleh sumbangan melebihi pencapaian US \$ 1 bilion dengan AS \$ 2 bilion pada tahun 2006 dan juga ramalan bahawa kadar pertumbuhan industri 20 peratus akan dikekalkan (Ernst & Young, 2008).

Selepas jangkaan pertumbuhan yang kukuh dan prestasi cemerlang berbanding empat hingga lima tahun sebelumnya, takaful di rantau Teluk dianggarkan meningkat kira-kira 10 peratus setahun dan seperti industri baru, takaful

di Bahrain serta di rantau ini, pertumbuhannya melebihi daripada insurans. Kenyataan ini telah menyokong apa yang dituntut oleh Earns & Young pada tahun 2008. Selain itu, Arab Saudi juga mengiktiraf sebagai pasaran terbesar bagi pertumbuhan takaful diikuti oleh Malaysia dan negara-negara lain. Menurut laporan penyelidikan Arab Saudi mendakwa bahawa takaful mempunyai pertumbuhan paling cepat dalam industri di Arab Saudi yang berkembang pada kadar pertumbuhan tahunan antara 15 peratus ke 20 peratus secara global.

Sementara itu, Laporan Takaful Dunia 2010 juga melaporkan bahawa Arab Saudi kekal sebagai pasaran Takaful terbesar di GCC dengan sumbangan sebanyak AS \$ 2.9 bilion pada tahun 2008. Sementara itu, UAE adalah pasaran yang paling pesat berkembang dan Sudan adalah pasaran paling penting di luar GCC dan Asia Tenggara dengan sumbangan berjumlah US \$ 280 juta pada tahun 2008 (Ernst & Young, 2010). Takaful di seluruh dunia juga menunjukkan bahawa dapat menarik perhatian pihak lain untuk bekerjasama dalam bidang perniagaan melalui perjanjian untuk mempromosikan produk takaful oleh kawasan perbankan. Standard Chartered Bank telah membuat perjanjian lima tahun dengan Allianz Takaful untuk menyebarkan produk insurans kedua di Qatar dengan menjual dan mempromosikan produk insurans Allianz Takaful seperti pendidikan anak, tabungan, perlindungan, dan pelaburan. Malah, takaful juga berjaya menembusi pasaran barat.

Peluang ini secara tidak langsung memberi perubahan kepada pengendali takaful untuk menyebarkan perniagaan di negara barat. Hal ini disebabkan terdapat banyak pengendali takaful yang beroperasi di negara barat seperti HSBC Amanah Home Takaful, Salam Halal di Malaysia United Kingdom, Takafo SA di

Luxembourg, Zayan Takaful, Takaful AS di United Negeria dan beberapa negara lain di negara-negara Eropah. Secara umumnya, walaupun takaful kelihatannya berkembang dan makmur di seluruh dunia, tetapi sokongan yang lebih daripada negara Islam adalah perlu bagi memastikan cabang sistem muamalat Islam ini terus subur dan dapat menggantikan sistem insurans sedia ada.

1.2.3 Perkembangan Industri Takaful Di Malaysia

Sejak tahun 1983, pengenalan sistem perbankan dan kewangan Islam mula diperkenalkan. Perkara ini membawa kepada kejayaan yang besar dalam pemikiran masyarakat. Masyarakat yang dahulunya menggunakan sistem kewangan konvensional telah mula beralih kepada sistem kewangan Islam. Selain itu, pengenalan terhadap sistem ini mula dilaksana memandangkan terdapat perdebatan terhadap sistem konvensional yang mempersoalkan kemampuannya dalam memberi jaminan yang baik kepada masyarakat. Persoalan kadar bunga atau *riba* menjadi isu utama yang diutarakan. Oleh demikian, berdasarkan sejarah Malaysia sebagai sebuah negara Islam maka, pengenalan sistem kewangan Islam adalah bertepatan bagi membolehkan masyarakat Islam di Malaysia mempraktiskan ajaran Islam yang sebenar. Justeru, sistem kewangan Islam mengalami transformasi yang memberangsangkan sejak bermulanya pada tahun 1983 sehingga kini. Perbezaan antara sistem takaful dan insurans dapat digambarkan seperti penerangan berikut:

Pertumbuhan kewangan dan perbankan Islam di Malaysia telah menunjukkan bahawa rakyat mula mengakui transaksi perniagaan Islam. Orang ramai mula menyedari bahawa urus niaga secara Islam telah memberi manfaat dalam kehidupan mereka. Seterusnya, ini memperlihatkan sokongan melalui permintaan

pasaran yang lebih tinggi untuk industri ini. Penerimaan ke arah perbankan Islam antara Muslim dan bukan Muslim telah meningkat sekali gus membantu pertumbuhan dan mengekalkan Institusi perbankan Islam di Malaysia.

Pelancaran perkhidmatan dan produk kewangan Islam di Malaysia tidak semata-mata terhad kepada perbankan dan institusi kewangan serta pasaran wang, tetapi meliputi perkhidmatan kewangan dan produk takaful. Pasaran takaful di Malaysia telah mengekalkan dan berkembang secara berterusan bersama-sama dengan pertumbuhan perbankan dan kewangan Islam. Laporan Takaful Dunia 2010, menunjukkan bahawa Malaysia kekal sebagai pasaran takaful terbesar dalam sumbangan Takaful Asia Tenggara melalui sumbangan hampir US \$ 0.9 bilion pada tahun 2008 dan hasil purata pelaburan kekal stabil serta mencapai 5% pada tahun 2009. Selain itu, pelaksanaan takaful di Indonesia yang paling pesat berkembang antara negara-negara Asia Tenggara (Ernst & Young, 2010).

BNM selaku badan berautoriti yang mengawal selia institusi kewangan Islam di Malaysia, telah melakukan beberapa pendekatan secara berperingkat. Pendekatan ini melibatkan tiga fasa bagi memastikan industri takaful dapat dilaksanakan secara sistematik (IBFIM, 2007:77).

Fasa pertama bermula pada tahun 1984 sehingga tahun 1992. Fasa ini bermula dengan penggubalan undang-undang pengawalseliaan berdasarkan Akta Takaful 1984. Seterusnya, pada tahun ini juga ditubuhkan pengendali takaful yang pertama. Fasa ini juga memberi tumpuan khusus terhadap penyediaan infrastruktur asas bagi industri takaful Malaysia. Walau bagaimanapun, terdapat penggubalan akta

yang digunakan pada masa kini bagi mengawal pendaftaran takaful dan pengendali perniagaan takaful. Akta ini memperihalkan bahawa perlu kepada penubuhan Majlis Pengawasan Syariah (MPS). Tujuannya adalah bagi memastikan operasi perniagaan pengendali takaful senantiasa patuh kepada prinsip syariah.

Bermula daripada penubuhan Syarikat Takaful Malaysia Berhad (STMB) pada tahun 1985 telah membawa kepada peningkatan bilangan pengendali takaful sebanyak 11 syarikat sebagaimana Jadual 1.1. Walaupun perkembangan ini positif namun, kadar penembusan pasaran bagi takaful keluarga di Malaysia masih kecil sebagaimana diperlihatkan di Jadual 1.7 iaitu kurang daripada 15 peratus setahun dan peratus rendah ini berterusan sehingga ke tahun 2017.

Walau bagaimanapun, kefahaman masyarakat terhadap konteks takaful tidak terhad kepada takaful kenderaan sahaja. Perkara ini kerana terdapat sambutan baik yang diterima terhadap produk takaful seperti rumah dan barang rumah, kad perubatan, kemalangan diri dan lain-lain. Justru, terdapat pelbagai faktor yang mempengaruhi masyarakat dalam membuat pemilihan takaful yang tidak hanya tertumpu kepada faktor diri namun, dipengaruhi juga faktor-faktor lain seperti faktor dalaman, faktor luaran dan faktor kepatuhan agama. Selain itu, terdapat beberapa pengkaji yang telah melakukan kajian berdasarkan faktor-faktor yang dinyatakan seperti kajian Naail Mohammed Kamila, Norsham Mat Nor (2014), Juliana Arifin (2014). Oleh demikian, kajian ini melihat bagaimana faktor-faktor ini mampu memberi pengaruh terhadap pemilihan produk takaful.

Hasilnya dapat dilihat apabila BNM telah merancakkan industri kewangan Islam dengan inisiatif yang teratur agar masyarakat Malaysia yang majoritinya Muslim³ mendapat kemudahan takaful dengan mudah. Ini terbukti dengan kelulusan lesen pengendali Takaful di Malaysia. Jadual 1.1 adalah senarai pengendali takaful berlesen di Malaysia⁴:

Jadual 1.1: Senarai Pengendali Takaful di Malaysia

Bil	Pengendali Takaful
1	Syarikat Takaful Malaysia Berhad
2	Etiqa Takaful Berhad
3	Takaful Ikhlas Berhad
4	Prudential BSN Takaful Berhad
5	Sun Life Malaysia Takaful Berhad
6	Zurich Takaful (Malaysia) Berhad
7	HSBC Amanah Takaful (Malaysia) Berhad
8	Great Eastern Takaful Berhad
9	AmMetlife Takaful Berhad
10	AIA Public Takaful Berhad
11	Hong Leong MSIG Takaful Berhad

(Sumber : Bank Negara Malaysia, 2019)

Berdasarkan Jadual 1.1, terdapat 11 pengendali takaful yang telah diberikan lesen oleh pihak BNM bagi menjalankan perniagaan takaful di Malaysia. Walau bagaimanapun, situasi ini agak jauh ketinggalan berbanding bilangan syarikat insurans berdasarkan Jadual 1.2.

³ Jabatan Statistik Malaysia telah dikemaskini dan diakses pada 18 Februari 2019. Jumlah penduduk Malaysia pada tahun 2018 ialah 32.4 Juta orang. Penduduk Bumiputera sebanyak 20.7 juta orang .

⁴ Website BNM yang telah diakses pada 25 Januari 2019.

Jadual 1.2: Bilangan Pengendali Takaful dan Syarikat Insurans

Tahun	Pengendali Takaful	Syarikat Insurans
2016	12	33
2017	12	33
2018	11	33
2019	11	33

Sumber: BNM, Diakses pada 25 Januari 2019

Merujuk Jadual 1.2, jumlah pengendali takaful dapat dilihat berkurang bermula pada tahun 2016 sehingga tahun 2019. Hal ini menimbulkan beberapa persoalan. Apakah sambutan yang kurang daripada peserta Muslim menyebabkan pengendali takaful tidak meneruskan operasinya? Apakah dengan bilangan sebanyak 11 pengendali takaful ini dapat memberikan perkhidmatan terbaik kepada penduduk Muslim khususnya di Malaysia? Seterusnya Jadual 1.3 telah menunjukkan bilangan cawangan pengendali takaful di Malaysia.

Jadual 1.3: Bilangan Cawangan Pengendali Takaful di Malaysia

Pengendali Takaful	STM B	ET B	T I	PRU BSN	SLMT B	ZTM B	HSB C	GET B	AMT B	AIA	HL MSI G	JUM LAH
Negeri												
Johor	3	2	1	8	1	5	0	2	1	6	0	29
Melaka	2	1	1	1	0	1	0	1	1	1	1	9
N.Sembilan	1	1	1	2	0	2	0	1	1	1	0	10
Selangor	2	2	1	6	0	3	0	2	1	2	1	20
Perak	1	1	1	5	1	3	0	2	1	5	0	21
P.Pinang	2	2	0	4	1	2	0	1	1	3	0	16
Kedah	2	2	1	3	0	3	0	1	1	3	0	16
Perlis	0	1	1	1	0	0	0	0	0	0	0	3
Kelantan	1	1	1	2	0	2	0	1	1	1	1	11
Terengganu	1	1	1	2	0	2	0	1	1	1	0	10
Pahang	2	2	1	4	0	3	0	1	1	2	1	17
Sabah	1	3	1	3	0	8	0	3	2	2	0	23
Sarawak	2	4	1	4	0	7	0	3	2	6	1	30
W.P K.L	3	3	1	3	1	1	1	1	1	3	0	18
W.P Putrajaya	1	1	1	0	0	0	0	0	0	0	0	3
W.P Labuan	0	1	0	0	0	1	0	0	0	0	0	2

Sumber: Laman Web Pengendali Takaful

Merujuk Jadual 1.3, didapati bahawa negeri yang paling banyak cawangan pengendali takaful⁵ adalah Sarawak. Kedua tertinggi adalah Johor diikuti Sabah di kedudukan yang ketiga. Bagi negeri di utara semenanjung Malaysia, Perak adalah yang tertinggi iaitu sebanyak 21 buah cawangan, diikuti dengan Pulau Pinang. Jika dibandingkan keluasan negeri pula, berdasarkan statistik negeri Perak mempunyai keluasan 21,000km persegi dan jumlah penduduk 712,502 orang berbanding 1031km persegi bagi Pulau Pinang (Pulau dan Tanah Besar) dan jumlah penduduk 1.6 juta orang. Berdasarkan data ini, timbul persoalan mengapakah Pulau Pinang mempunyai keluasan yang kecil tetapi pengendali takaful bersungguh-sungguh membuka cawangan mereka?

Berdasarkan senario tersebut, dapat juga diteliti berdasarkan faktor pertumbuhan ekonomi. Pertumbuhan ekonomi didefinisikan sebagai peningkatan kapasiti pengeluaran dalam sesebuah negara. Pengukuran ini dilakukan melalui peningkatan pendapatan bagi sesebuah negara dalam sesuatu tempoh teentu. Oleh demikian, terdapat tiga faktor penentu utama terhadap kadar pertumbuhan ekonomi. Pertama, faktor penentu tenaga buruh. Kedua, faktor penentu pertumbuhan dan ketiga, faktor penentu kemajuan teknikal. Melihat dalam konteks negara Malaysia, ekonomi Malaysia terus kukuh dengan mencatatkan pertumbuhan ekonomi setiap tahun bermula pada tahun 2013 sehingga tahun suku ketiga 2015. Kadar ini berada pada tahap memuaskan dengan kadar 4.7 peratus pada tahun 2013, 6.0 peratus pada tahun 2014 dan 4.7 peratus pada suku tahun 2015. Sekali gus, bukan sahaja pertumbuhan ini dapat merancakkan lagi kegiatan ekonomi malah, memberi petanda yang baik kepada prestasi sektor-sektor kegiatan ekonomi.

⁵ Cawangan ini termasuk premis syarikat insurans yang digunakan juga untuk perkhidmatan takaful. Contoh dicawangan AIA insurans boleh juga diperolehi produk takaful AIA Public Takaful Bhd.

Seterusnya, berdasarkan kepesatan ekonomi ini secara tidak langsung akan membawa kepada peningkatan per kapita. Peningkatan ini memperlihatkan bahawa para pekerja mempunyai lebih kuasa membeli dan menyebabkan kepada peningkatan permintaan domestik. Perkara ini merancakkan lagi kitaran ekonomi dengan meningkatnya permintaan bagi barang dan perkhidmatan dan akhirnya memberi lebih keuntungan kepada para niaga. Hal ini boleh diteliti melalui Laporan Tahunan Bank Negara Malaysia pada tahun 2016 hingga tahun 2018. Berdasarkan Jadual 1.4, pendapatan per kapita negara Malaysia berterusan meningkat daripada RM 37,791.00 pada tahun 2016, RM 40,713.00 pada tahun 2017 dan RM 42,777.00 pada tahun 2018.

Jadual 1.4: Petunjuk Utama Ekonomi Malaysia Pada Tahun 2016-2018

Petunjuk Utama Ekonomi Malaysia	2016	2017	2018
Pendapatan Per Kapita (RM)	37,791	40,713	42,777
Jumlah Penduduk (bilangan, juta)	31,634	32,023	32,385
Jumlah Tenaga Buruh ⁶ (bilangan, juta)	14.7	15.0	15.3
Jumlah Guna Tenaga ⁷ (bilangan, juta)	14.2	14.5	14.8
Kadar Pengangguran (peratusan daripada jumlah tenaga buruh)	3.4	3.4	3.5

Selain itu, data daripada jabatan statistik ini juga telah merekodkan bahawa Pulau Pinang adalah merupakan negeri yang mencapai Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) yang tertinggi di bahagian utara semenanjung Malaysia. Ini dibuktikan dengan statistik yang telah dikeluarkan dalam Jadual 1.5:

⁶ Tenaga buruh merujuk kepada penduduk dalam kumpulan umur bekerja (15-64 tahun) sama ada bekerja atau mengangur. Diakses daripada www.dosm.gov.my pada 25 Januari 2019.

⁷ Guna tenaga ialah tenaga buruh yang terlibat dalam kegiatan ekonomi untuk menghasilkan barang dan perkhidmatan. Guna tenaga merujuk kepada jumlah tenaga buruh tolak jumlah pengangguran. Diakses daripada www.dosm.gov.my pada 25 Januari 2019.

Jadual 1.5 : KDNK Malaysia Mengikut Lima Negeri Tertinggi Tahun 2016

Bil	Negeri	KDNK Setahun (RM)	KDNK Sebulan (RM)
1	Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	101,420.00	8451.00
2	Wilayah Persekutuan Labuan	61,833.00	5152.00
3	Pulau Pinang	47,322.00	3943.00
4	Selangor	44,616.00	3718.00
5	Sarawak	44,333.00	3694.00

Sumber : Jabatan Perangkaan Malaysia

Merujuk Jadual 1.5 KDNK yang tertinggi ialah di negeri Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur iaitu sebanyak RM101,420 setahun, diikuti Wilayah Persekutuan Labuan RM61,833.00 setahun. Tempat ketiga KDNK tertinggi ialah di negeri Pulau Pinang sebanyak RM47,322.00 setahun. Diikuti negeri Selangor dan negeri Sarawak masing-masing sebanyak RM44,616.00 dan sebanyak RM44,333.00. Berdasarkan Jadual 1.5 ini menunjukkan bahawa Pulau Pinang merupakan negeri di semenanjung utara yang tinggi tingkat pendapatan per kapitanya. Hal ini membuatkan pengkaji ingin mengenalpasti secara lebih terperinci maklumat demografi penduduk di Pulau Pinang melalui pecahan daerah berdasarkan Jadual 1.6 dan Jadual 1.7

Jadual 1.6: Bilangan Penduduk Mengikut Daerah di Pulau Pinang 2012-2016

Daerah	2012	2013	2014	2015	2016
Timur Laut	540,900	548,100	554,900	561,300	566,900
Barat Daya	211,200	214,800	218,400	221,800	224,900
Seberang Prai Utara	308,300	313,300	318,200	322,900	327,400
Seberang Prai Tengah	391,800	398,900	405,600	411,800	417,400
Seberang Prai Selatan	179,000	181,700	184,300	186,800	189,100
JUMLAH	1,631,200	1,656,800	1,681,400	1,704,600	1,725,700

Sumber : Jabatan Perangkaan Malaysia, (2019)

Jadual 1.6 menunjukkan jumlah bilangan penduduk mengikut daerah di Pulau Pinang dari tahun 2012 hingga 2016. Jumlah penduduk yang paling tinggi pada tahun 2016 ialah di daerah Timur Laut dengan bilangan 566,900 orang penduduk.

Jadual 1.7: Pecahan Penduduk mengikut Kaum di Setiap Daerah Tahun 2016

Daerah	Melayu	Bukan Melayu	Bukan Warganegara
Timur Laut	114,000	388,400	40,200
Barat Daya	123,300	77,600	12,900
Seberang Prai Utara	182,500	115,900	12,600
Seberang Prai Tengah	181,100	175,100	39,000
Seberang Prai Selatan	73,600	100,900	10,800

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Merujuk Jadual 1.7 menunjukkan pecahan penduduk mengikut kaum bagi setiap daerah di Pulau Pinang. Daerah yang mencatatkan penduduk melayu tertinggi adalah daerah Seberang Prai Utara dengan bilangan 182,500 orang. Manakala Daerah Timur laut mencatatkan bilangan penduduk bukan melayu paling tinggi sebanyak 388,400 orang.

Jika dihitung jumlah melayu secara keseluruhan di dalam pulau (Timur Laut dan Barat Daya) adalah sebanyak 237,300 orang. Manakala jumlah penduduk melayu di luar pulau (Seberang Prai Utara, Seberang Prai Tengah dan Seberang Prai Selatan) berjumlah 437,200 orang. Oleh yang demikian, jumlah keseluruhan penduduk melayu di dalam pulau mencatatkan jumlah minoriti berbanding di luar pulau. Oleh disebabkan jumlah minoriti penduduk melayu dicatakan di dalam pulau maka, kajian ini memberi fokus kepada penduduk di dalam pulau sahaja. Hal ini juga disebabkan jumlah penduduk bukan melayu adalah tertinggi di dalam pulau sebanyak 466,000 orang. Justeru, kajian ini melihat faktor-faktor yang mempengaruhi pemilihan peserta takaful dalam kalangan Muslim di Pulau Pinang.

Jadual 1.8: Penembusan Pasaran Takaful Keluarga Mengikut Tahun


Tahun	Penembusan Pasaran Takaful Keluarga
2014	14.50
2015	14.71
2016	14.61
2017	14.66

Seterusnya Jadual 1.7 mempunyai kaitan dan persoalan yang lebih besar apabila kadar penembusan pasaran bagi takaful dari tahun 2014 hingga tahun 2017 adalah kurang dari 15 peratus. Ini menimbulkan persoalan apakah penduduk Malaysia kurang kesedaran tentang kepentingan dan pemilihan takaful?

Jadual 1.9: Bilangan Ejen Baru Takaful di Malaysia

Tahun	Takaful Keluarga				Takaful Am			
	2014	2015	2016	2017	2014	2015	2016	2017
Banca	6175	3,739	3,637	3,543	422	449	614	779
Non Banca	14,296	13,027	14,170	12,860	1201	500	295	412
Total	20,471	16,766	17,807	16,403	1623	949	909	1190

Selain itu, jadual 1.8 menunjukkan bilangan ejen baru bagi takaful di Malaysia mengikut tahun. Berdasarkan Jadual 1.8 ini, tren penurunan telah berlaku bagi segmen takaful keluarga, manakala bagi segmen takaful am terdapat sedikit peningkatan terutamanya pada tahun 2017 iaitu sebanyak 281 orang. Hal ini menimbulkan pertanyaan apakah yang menyebabkan keadaan ini berlaku?



Rajah 1.1: Bilangan Wakil Takaful Mengikut Bangsa

Rajah 1.1 menunjukkan bilangan wakil takaful mengikut bangsa dari tahun 2014 hingga 2017. Bangsa melayu sebagai wakil takaful telah menguasai daripada keseluruhan jumlah. Bangsa cina merupakan kumpulan kedua terbesar sebagai wakil takaful di Malaysia. Ini menimbulkan beberapa persoalan. Pertama, mengapakah bangsa cina berminat menjadi wakil takaful sedangkan terdapat juga produk insurans? Apakah mereka mempunyai kesedaran tentang kelebihan takaful berbanding insurans atau apakah mereka melihat golongan majoriti Muslim di

Malaysia ini mempunyai kesedaran yang tinggi terhadap pemilihan takaful?. Hakikat ini ditambah pula dengan peningkatan dari sudut jumlah aset pengendali takaful dan syarikat insurans di Malaysia seperti Jadual 1.10

Jadual 1.10:Jumlah Aset Takaful

Tahun	Jumlah Aset (RM billion)
2014	22.7
2015	24.7
2016	26.9
2017	29.3

Jadual 1.10 menunjukkan bahawa jumlah aset pengendali takaful telah meningkat dari tahun 2014 sebanyak RM22.7 Billion kepada RM29.3 peratus. Walaubagaimanapun, keadaan ini tidak boleh dianggap selesa kerana jika dibandingkan dengan kadar peratus penembusan pasaran takaful seperti Jadual 1.7 ianya amat kecil berbanding jumlah penduduk Muslim di Malaysia

1.3 PENYATAAN MASALAH

Pada masa kini, masih ada sesetengah masyarakat Muslim yang tidak dapat membezakan antara takaful dengan insurans. Kemungkinan terdapat faktor lain yang menyebabkan hal ini berlaku walaupun telah terdapat sebelas pengendali takaful di Malaysia dengan pelbagai penawaran produk perlindungan secara Islam. Di sisi lain, terdapat sesetengah pengendali takaful tidak peduli terhadap jenama mereka di pasaran dan menganggap bahawa mereka telah berjaya mencipta jenama tanpa menyedari bahawa jumlah penembusan pasaran di Malaysia masih rendah. Perkara ini disebabkan terdapat hanya sedikit iklan dan promosi dalam media elektronik dan media sosial jika dibandingkan dengan insurans.

Walau bagaimanapun, dengan kelebihan yang ada terutamanya masyarakat Muslim yang menjadi majoriti penduduk di Malaysia, pengendali takaful berpeluang untuk menembusi pasaran insurans termasuklah kewangan Islam, pasaran modal Islam dan perbankan Islam.

Sebagai langkah ke arah menjadi sebuah pusat kewangan Islam antarabangsa, industri takaful juga memainkan peranan sebagai industri yang penting terhadap pembangunan ekonomi sekali gus membantu dalam mencapai objektif terhadap halatuju ini. Perkara ini telah dinyatakan oleh Gabenor BNM bahawa objektif industri takaful ialah untuk mewujudkan pengendali takaful yang bertaraf antarabangsa dan mengetuai dalam industri takaful di peringkat global sebagai bukti menunjukkan pembangunan Malaysia sebagai sebuah hub kewangan Islam antarabangsa.

Selain itu, dengan jumlah kira-kira 1.5 bilion penduduk Muslim di seluruh dunia, industri takaful dilihat mempunyai pasaran yang baik untuk jangka masa panjang ditambah lagi dengan kadar pemilikan insurans yang rendah dalam kalangan umat Islam.

Walau bagaimanapun, hingga saat ini pendapatan keuntungan takaful masih tidak dapat mencabar pendapatan insurans. Mengikut Statistik Insurans & Takaful Tahunan 2009, dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia. Tambahan pula, menurut Aminuddin Md Desa, Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) Takaful Nasional Berhad telah menyatakan bahawa jika kita meminta 100 orang Islam tentang dasar takaful melanggan, hanya tiga atau empat orang akan mengakui mereka setia kepada

langganan dengan takaful (Utusan Malaysia, 2003). Oleh itu, perkara ini menyaksikan sejauh mana masyarakat Muslim di Malaysia menerima dan mengetahui mengenai takaful dan pentingnya perlindungan takaful dalam kehidupan. Kekurangan kesedaran dan pengetahuan dalam kalangan rakyat Malaysia terhadap takaful serta kurangnya usaha pemasaran strategi daripada pengendali takaful telah menyebabkan keadaan buruk ini menjadi lebih teruk. Sekiranya perkara ini berterusan akan membantutkan usaha dalam memartabatkan sistem kewangan Islam. Selain itu, industri takaful di Malaysia hanya menguasai kira-kira 10.9 peratus daripada keseluruhan pasaran produk pengurusan risiko takaful dan insurans.

Walaupun ini menunjukkan industri takaful mempunyai potensi yang besar dalam pasaran di Malaysia namun, potensi yang besar dalam pasaran takaful memerlukan kecekapan dalam operasi takaful termasuklah meneliti faktor-faktor yang menyebabkan pelanggan memilih takaful berbanding insurans. Menurut Skipper dan Kwon, pengurusan risiko merupakan mekanisme atau proses untuk menguruskan sesuatu risiko yang mungkin berlaku.

1.4 OBJEKTIF KAJIAN

Secara umum objektif kajian ini adalah untuk menganalisis penentu pemilihan takaful dalam kalangan Muslim di Pulau Pinang.

Terdapat tiga objektif khusus kajian iaitu:

1. Mengenal pasti tahap penentu pemilihan takaful dalam kalangan Muslim di Pulau Pinang terhadap takaful
2. Menganalisis penentu pemilihan takaful yang mempengaruhi Muslim di Pulau Pinang